

Anwar syorkan Turki sebagai model untuk reformasi ekonomi, politik
Malaysian Insider
01 Oktober, 2012
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 1 Okt — Dalam perbahasan Bajet 2013 hari ini, ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia hanya mampu mengukuhkan ekonominya dengan cepat menerusi reformasi kerajaan dan politik yang menyeluruh seperti yang dilakukan negara Turki.

Pemimpin pembangkang menyalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang tidak berdaya saing sebagai punca kegagalan Malaysia yang terpaksa menghadapi bajet defisit selama 15 tahun ekoran ketirisan polisi ekonomi yang mementingkan "kroni dan golongan kaya yang mempunyai kepentingan".

"Kejayaan Turki dibawah Reccip Tayeb Erdogan contohnya, memberi keyakinan kepada kita bahawa dasar ekonomi dan pentadbiran yang berteraskan keadilan sosial, ketelusan, amanah dan mengiktiraf bakat kebolehan setiap rakyatnya berjaya melonjak kemakmuran ekonomi negara an rakyat Turki dalam tempoh yang begitu singkat," kata Anwar

"Sebab itu Pakatan Rakyat (PR) dari awal lagi telah menegaskan bahawa perubahan dan tambahbaik ekonomi tidak boleh berlaku tanpa adanya reformasi politik dan pentadbiran," katanya dalam ucapan bajet beliau.

"Buku Jingga adalah dokumen yang jelas menggariskan bahawa matlamat pertumbuhan ekonomi perlu didorong oleh proses islah politik dan pentadbiran yang menyeluruh, kerana Turki dibawah Erdogan menyakinkan dunia bahawa pembaharuan politik menyuburkan pertumbuhan ekonomi."

Bekas menteri kewangan tersebut juga menggunakan Turki sebagai perbandingan dengan menyifatkan sejak Erdogan dilantik perdana menteri 10 tahun lalu beliau telah berjaya melakukan perubahan ekonomi ke atas negara Islam sekular itu menjadi sebuah "keajaiban ekonomi baru".

Menurut Anwar lagi, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Turki berkembang sebanyak tiga kali ganda dalam tempoh sembilan tahun daripada AS\$233 bilion (RM701.3 bilion) pada tahun 2002 kepada AS\$773 bilion tahun lepas.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Turki bagi tahun ini dianggarkan lebih daripada 11 peratus, berdasarkan angka suku pertama yang didakwa Anwar telah berjaya mengatasi China dan negara membangun yang lain.

Beliau turut menegaskan pertumbuhan ekonomi Turki berkembang antara 7 dan 9 peratus secara purata ketika tahun pertama pemerintahan Erdogan dan lebih memeranjatkan lagi apabila negara itu berjaya mengimbangi hutang luar bernilai €1 bilion (RM3.9 bilion) kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada April depan yang dianggarnya pembayaran balik terpantas jika diukur berdasarkan jumlah hutang.

MP Permatang Pauh itu juga berkata, Malaysia kini menghadapi risiko ketinggalan jauh dibelakang dengan negara-negara Asia lain yang suatu ketika dahulu lebih mundur daripada

Malaysia pada 1970-1980an seperti Korea Selatan yang telah maju ke hadapan dengan langkah-langkah memerangi rasuah dan meningkatkan tahap ekonomi dikalangan usahawan perniagaan.

Namun dia percaya Malaysia memiliki potensi ekonomi yang lebih tinggi kerana mempunyai rizab minyak dan peluang cerah untuk melonjak ke hadapan dengan rombakan struktur ekonomi sedia ada.

"Kegagalan Barisan Nasional menamatkan defisit belanjawan selama 15 tahun berturut-turut sedangkan Malaysia mempunyai hasil minyak menunjukkan ada masalah struktur ekonomi yang diabaikan dan dibiarkan membarah, kerana menyelesaikan kepincangan ekonomi tersebut bermakna menyentuh kroni dan golongan mahakaya berkepentingan," katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-syorkan-turki-sebagai-model-untuk-reformasi-ekonomi-politik/>